

Modul PBD

Praktis DSKP



Kuasa Asing di Tanah Airku

Buku Teks 50

Tahap Penguasaan (TP)	Menguasai	Belum Menguasai
TP 1 Mengatakan konsep campur tangan dan penjajahan kuasa asing di negara kita		

1. Lengkapkan ayat berikut dengan jawapan yang betul. >> SP 7.1.1 TP 1

Kedudukan negara kita yang _____ dan mempunyai _____
yang bernilai telah menarik _____ seperti Siam, Portugis, Belanda, British,
dan Jepun untuk _____ dan campur tangan dalam negara kita.

2. Padankan konsep berikut dengan contohnya yang betul. >> SP 7.1.1 TP 1

Konsep

Contoh



Kedatangan Kuasa Luar

VIDEO

Campur tangan

Pemerintahan Keluarga Brooke di Sarawak.

Penjajahan

Pengaruh Siam di negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu.

Naungan

Sistem Residen di negeri Perak.



Ambil Tahu

Ufti merupakan pemberian yang berbentuk wang, bunga mas, dan persalinan oleh negara yang dinaungi kepada kuasa besar yang menaung sebagai tanda kekuasaannya. Sebagai naungan Siam, Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu dikehendaki menghantar Bunga Mas kepada raja Siam setiap tiga tahun.